

Headline	Kembar terima bantuan pendidikan MAIJ		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	21 Feb 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,306
Frequency	Daily	PR Value	MYR 6,919



Kembar terima bantuan pendidikan MAIJ

Endau: Sepasang kembar yang baru kematian bapa mendapat bantuan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

MAIJ menghulurkan bantuan RM2,000 kepada mereka sebagai persediaan awal untuk menguruskan kemasukan.

Muhammad Haiyat Sanusi dan Muhammad Aizat, 20, kematian bapa mereka sebulan lalu akibat sakit buah buah pinggang, hanya bergantung kepada ibu, Zabedah Salim, 59, yang menjalankan perniagaan ikan bakar di Pantai Penyabong.

Muhammad Haiyat menerima tawaran belajar di Universiti Malaysia Sarawak UMS), manakala kembarnya, di Universiti Kuala Lumpur (UNIKL).

Bantuan awal sumbangan MAIJ itu disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Agama Johor, Datuk Zainal Abidin Osman di rumah pasangan itu di Kampung Baru, Penyabong, dekat sini.

Bantuan bakar semangat

Mereka menyifatkan bantuan itu sebagai perangsang untuk berusaha dengan lebih gigih seterusnya menamatkan pengajian dengan cemerlang bagi membantu keluarga pada masa akan datang.



Zainal (empat dari kanan) **menyampaikan sumbangan** kepada Zabedah di Kampung Baru Penyabong, Mersing, Johor.

[FOTO IKHWAN MUHAMMAD / BH]